

LAPORAN RUMUSAN AUDIT VERIFIKASI CPD 2023 PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI

TEMPOH AUDIT:
OKT – NOV 2023



4,685 (34.4%)

Jumlah bilangan Auditee (% keseluruhan)

552

Jumlah bilangan Auditor


289

Jumlah keseluruhan PTJ yang terlibat



Liputan Audit - Bilangan auditee (%)

Keperluan audit : minimum 20%



Aspek Audit



Perkara 1

Nama penyelia

Perkara 2

Pengesahan penyelia

Perkara 3

Gred auditee di logbook

Perkara 4

Jawatan auditee di logbook

Perkara 5

Pusat tanggungjawab

Perkara 6

Tiada kesalahan kategori aktiviti CPD yang direkodkan

Perkara 7

Tiada pertindihan tuntutan mata kredit (multiple entry)

Perkara 8


Tidak membuat tuntutan mata kredit bagi tugas hakiki/ tugas harian oleh auditee

Perkara 9

Ada dokumen sokongan untuk tuntutan mata kredit

Kadar Kepatuhan (Keseluruhan)

Peratus pencapaian



Penemuan Audit | P1 & P5

Nama Penyelia & PTJ



Penemuan

1. Terdapat nama penyelia dan PTJ yang tidak dikemaskini dalam sistem.



Cadangan / Ulasan

1. Memberi peringatan dari semasa ke semasa agar pegawai perlu mengemaskini nama penyelia dan PTJ dengan segera selepas berlaku sebarang pertukaran keluar / masuk.

Penemuan Audit | P3 & P4

Gred & Jawatan Auditee



Penemuan

1. Terdapat anggota yang tidak mengemaskini gred dalam sistem
2. Terdapat anggota yang mengunci masuk jawatan yang salah;
 - Jawatan U
 - Jawatan N



Cadangan / Ulasan

1. Memberi peringatan dari semasa ke semasa agar pegawai perlu mengemaskini gred jawatan dalam sistem myCPD sekiranya naik pangkat.
2. Semua pegawai yang baru melaporkan diri turut perlu diberi kesedaran berkenaan perkara ini pada waktu orientasi.
3. Penyelia CPD perlu menyemak butiran pegawai apabila membuat pemantauan logbook CPD pegawai di bawah seliaan untuk memastikan butiran pegawai adalah terkini dan tepat.

Penemuan Audit | P6

Kesalahan Kategori Tuntutan Mata CPD



Penemuan

1. Peratus kepatuhan yang **paling rendah** untuk perkara ini di semua negeri, institusi & IPKKM.
2. Anggota masih keliru dengan tuntutan mata bagi kategori:
 - a. A1 vs A3
 - b. A4 vs A7
 - c. A9 vs B1
 - d. B1 vs B2
 - e. A5 (5 mata vs 10 mata)
 - f. Generik vs Fungsional
3. Catatan kategori /mata CPD diatas sijil tidak tepat.



Cadangan / Ulasan

1. AJK/sekretariat program/kursus haruslah merujuk penyelaras CPD di peringkat masing-masing bagi mengenalpasti kategori mata CPD yang tepat dinyatakan dalam dokumen/bukti kehadiran untuk dibuat tuntutan.
2. Penyelia memainkan peranan memastikan kategori tuntutan adalah tepat sebelum membuat pengesahan tuntutan.
3. Mengedarkan kembali rujukan sistem mata CPD dan infografik dari semasa ke semasa untuk meningkatkan pemahaman anggota mengenai kategori tuntutan mata CPD.
4. Meningkatkan pemahaman mengenai definisi latihan fungsional iaitu - latihan yang dapat meningkatkan kemahiran, keupayaan dan pengetahuan khusus seseorang pegawai untuk menyempurnakan tugas yang dipertanggungjawabkan berdasarkan deskripsi tugas di sesuatu jawatan.

Penemuan Audit | P7

Pertindihan Tuntutan



Penemuan

1. Masih terdapat tuntutan berulang yang dibuat oleh pegawai.
2. Pegawai tidak tahu cara memadamkan tuntutan yang telah disahkan oleh penyelia.



Cadangan / Ulasan

1. Penyelia perlu menjadikan semakan logbook pegawai di bawah seliaan sebagai rutin setiap kali selepas meluluskan tuntutan mata CPD.

Langkah: Main menu > Change role-select supervisor > Dashboard-User list > View list > Klik pada ikon buku sebelah nama pegawai untuk melihat logbook pegawai di bawah seliaan > semak logbook > arahkan pegawai di bawah seliaan untuk memadamkan tuntutan berulang sekiranya ada.

2. Pegawai perlu menyemak logbook untuk memastikan tiada tuntutan berulang.

Langkah: Klik pada butang *bin* sebelah nama program dalam logbook untuk memadamkan tuntutan.

Penemuan Audit | P8

Tuntutan Tugas Hakiki



Penemuan

1. Masih terdapat anggota yang membuat tuntutan untuk tugas hakiki / mesyuarat yang dihadiri.
e.g.;
Penyelaras PUB di PKD menuntut mata sebagai AJK Penggunaan Ubat Secara Berkualiti,



Cadangan / Ulasan

1. Mengedarkan kompilasi contoh/scenario/*FAQ* tuntutan mata CPD kepada semua anggota untuk meningkatkan pemahaman.
2. Membuat peringatan kepada anggota agar tidak menuntut mata bagi aktiviti yang disenaraikan dalam Deskripsi Tugas (JD) atau SKU masing-masing.

Penemuan Audit | P9

Dokumen sokongan



Penemuan

1. Anggota memuat naik surat/emel panggilan dan tiket konferens sebagai dokumen sokongan.
2. Terdapat tuntutan tanpa dokumen sokongan diluluskan oleh *supervisor*.
3. Dokumen sokongan tidak lengkap. Contohnya, tangkap layar yang dibuat hanya mengandungi nama pegawai tetapi tiada butiran kursus.



Cadangan / Ulasan

1. Surat/emel panggilan atau tiket konferens yang tiada minit pengesahan kehadiran oleh penyelia pegawai tidak boleh diterima sebagai bukti kehadiran.
2. Bagi program-program yang tidak mengemukakan sijil / senarai kehadiran / pegawai lupa membuat tangkap layar aktiviti dalam talian, surat/emel panggilan program dengan catatan pengesahan penyelia boleh dimuat naik.
3. Supervisor diberi peringatan untuk hanya meluluskan tuntutan mata CPD yang mempunyai bukti kehadiran dengan butiran yang lengkap.

Penemuan Audit Lain-lain



Penemuan

1. *End time* untuk program yang dituntut tidak tepat walaupun kategori dan mata tuntutan tepat. e.g.:



Cadangan / Ulasan

1. Penyelia harus menyemak butiran ***start dan end time programme*** dan menolak tuntutan yang tidak selaras dengan tarikh dan tempoh program yang dihadiri.

A3 CLINICAL ATTACHMENT (MTAC, METHADONE, STERILE PREPARATION, LABORATORY HANDS-ON TRAINING, ETC), WORK-RELATED TRAINING E.G. QUALITY, IT, MANAGEMENT, ETC. (INCLUDING HANDS-ON AND SKILL COURSES) A STUDY TOUR IS RELATED TO PROFESSIONAL WORK							
UNLISTED	NPRA BEDE VIRTUAL WORKSHOP (BEDE EVALUATION)		17 Feb 2023 09:00	17 Jul 2023 12:00	35	4	4
UNLISTED	BEDE VIRTUAL WORKSHOP (BEDE APPLICATION AND SCREENING)		17 Feb 2023 09:00	17 Jul 2023 12:00	25	10	10

- TAMAT -

Telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa CPD Program
Perkhidmatan Farmasi KKM Bil 2/2023 pada 13 Disember 2023.

